

# MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE-16

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3276-majlis-amanat-perdana-perkhidmatan-awam-ke-16](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3276-majlis-amanat-perdana-perkhidmatan-awam-ke-16)

PUTRAJAYA, 4 Apr 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM mewakili Panglima Angkatan Tentera telah menghadiri Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-16 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.



Antara intipati Amanat Perdana Menteri pada MAPPA kali ke-16:

1. Pemendekkan tempoh time-based kali kedua berasaskan kecemerlangan kepada kumpulan pelaksana untuk semua perkhidmatan iaitu dari 13 kepada 10 tahun.
2. Mewujudkan lapisan gred DG56 bagi skim pegawai perkhidmatan pendidikan yang lebih 5 tahun berada di Gred 54 dan cemerlang.
3. Pemanjangan kemudahan perubatan kepada ibu bapa pegawai lantikan kontrak mulai 1 Julai 2018.
4. Sumbangan dana tahunan kepada CUEPACS sebanyak sekurang-kurangnya RM3 juta setahun.
5. Kemudahan cuti tanpa rekod keagamaan (seperti cuti umrah) dilanjutkan bagi menunaikan aktiviti keagamaan (agama lain) kepada maksimum 7 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.
6. Kenaikan kadar pencen sebanyak 1% bagi semua pesara kerajaan mulai Julai 2018 secara one-off.
7. Bagi persatuan-persatuan pesara kerajaan Malaysia, Kerajaan akan beri geran khas sebanyak RM1 juta setiap satu organisasi.
8. Kuota haji khas akan ditentukan kepada pesara Kerajaan.
9. Pemberian kenaikan gaji bersamaan satu KGT Khas kepada semua penjawat awam (implikasi RM1.4 billion) berkuatkuasa 1 Julai 2018.



